

Di Parlimen Sepanggar, sebanyak 3,912 sambungan port yang melibatkan penaiktarafan 1 ibu sawat telah siap dilaksanakan di bawah projek HSBB 1 manakala tambahan sebanyak 6,584 sambungan port telah tersedia di bawah projek HSBB 2. Kedua-dua projek ini berupaya menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100Mbps.

Di bawah projek Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih pula, sebanyak 18 buah lokasi telah dinaiktaraf bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Sepanggar di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat.

Bagi kawasan Inanam, sebanyak 6,584 sambungan port telah tersedia di bawah projek HSBB 1 dan HSBB 2 manakala, sebanyak 49 struktur komunikasi telah tersedia yang dapat memberi liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berkenaan.

Dengan terlaksananya kesemua inisiatif ini, capaian untuk jaringan Internet dapat dipertingkatkan sekaligus memanfaatkan penduduk setempat yang tinggal di Parlimen Sepanggar yang meliputi kawasan-kawasan tanah tinggi seperti di Inanam.